

## Program MADA Cergas & Sihat (27 Mac 2019)

Program MADA Cergas & Sihat telah diadakan bermula seawal jam 8.00 pagi di Ibu Pejabat MADA, Ampang Jajar dengan kehadiran penyertaan oleh seluruh kakitangan yang berkhidmat di seluruh Kawasan Muda (MADA).



Program ini turut dijayakan serta mendapat kerjasama dari Jabatan Kesihatan Negeri Kedah serta beberapa lagi agensi swasta lain. Program ini diadakan bertujuan untuk memastikan tahap kesihatan dan gaya hidup yang lebih sihat serta memastikan amalan gaya hidup sihat ini berkekalan.



Program ini berjaya direalisasikan sebagai satu program interaktif, dari segi fizikal, mental dan juga ilmiah, di mana kesedaran dalam aspek kesihatan dapat dikongsi Bersama bagi memupuk amalan gaya hidup sihat di kalangan pegawai-pegawai dan kakitangan MADA.

